

## IKLAN JAWATAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa **Kakitangan Universiti Malaysia Sabah** yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### 1.0 BUTIRAN JAWATAN

- |     |                                      |   |                                                                                                                         |
|-----|--------------------------------------|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.1 | Jawatan                              | : | Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer)                                                                           |
| 1.2 | Tempoh Lantikan                      | : | Tidak melebihi tiga (3) tahun bagi setiap lantikan (tertakluk kepada keputusan pihak pengurusan universiti)             |
| 1.3 | Kelayakan                            | : | Sekurang-kurangnya memegang jawatan Profesor Madya Gred 14 dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)                |
| 1.4 | Hierarki dalam Organisasi Universiti | : | Melapor terus kepada Naib Canselor                                                                                      |
| 1.5 | Elaun dan Kemudahan                  | : | i. Elaun Bulanan RM1,200.00 sebulan<br>ii. Elaun Telefon RM350.00 sebulan<br>iii. Elaun Gantian Kenderaan RM800 sebulan |

### 2.0 KRITERIA PEMILIHAN DAN SKOP TANGGUNGJAWAB

- |     |                    |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----|--------------------|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.1 | Kriteria Pemilihan | : | a) <b>Kecemerlangan Akademik</b><br>Mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional. |
|     |                    |   | b) <b>Pengiktirafan Antarabangsa;</b><br>Mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.                          |

- c) **Personaliti;**  
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- d) **Proaktif;**  
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- e) **Reputasi;**  
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- f) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus;**  
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.
- g) **Perwatakan;**  
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) **Pengurusan Konflik;**  
Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i) **Potensi;**  
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

- 2.2 Skop Tanggungjawab :
- a) Meneraju inisiatif pendigitalan di kementerian/ agensi melalui penggunaan data, analitis, strategik AI dan teknologi digital;
  - b) Mewujudkan budaya berpacuan data dalam sektor awam yang mengamalkan pendekatan *principle-based* melalui penggunaan data dan teknologi digital;
  - c) Mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital di kementerian/agensi berfokuskan pengalaman pelanggan (customer experience) yang berteraskan konsep *Whole-of-Government* melalui inovasi melibatkan perkongsian data, data terbuka dan teknologi baru muncul;
  - d) Menilai, menyelaraskan, memperakui keperluan perkhidmatan digital, *Technical Service Design dan bajet* pembangunan serta mengurus agensi sebagai pelaksana inisiatif dan projek pendigitalan;
  - e) Meneraju perubahan melalui Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian/Negeri/Agensi dengan:
    - i. Memastikan PSP agensi selari dengan PSP Sektor Awam dan Pengurusan Risiko dan Pelan Pengurusan Perubahan;
    - ii. Memastikan *blueprint Enterprise Architecture (EA)* agensi tersedia; dan
    - iii. Memantapkan struktur tadbir urus pendigitalan agensi & menyelaraskan penggunaan dasar, standard dan amalan terbaik global.
  - f) Melaporkan pelaksanaan dan kemajuan transformasi pendigitalan kepada YBhg. Ketua Setiasaha Negara sebagai Pengerusi Kluster Kerajaan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara melalui sekretariat kluster kerajaan.
  - g) Menjalankan tugas yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## 3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini; dan
- b) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) **Encik Hasmi bin Hashim**  
Pengarah  
Pejabat Canselori  
Universiti Malaysia Sabah  
No. Tel : 200100 (ext) 013-8568987 (h/p)  
Emel : [hasmihjd@ums.edu.my](mailto:hasmihjd@ums.edu.my)

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pejabat Canselori  
Aras 5, Blok Selatan, Bangunan Canselori  
Jalan UMS 88400  
Kota Kinabalu, Sabah  
Email: [unit.pelantikan.canselori@ums.edu.my](mailto:unit.pelantikan.canselori@ums.edu.my)

3.4 Hanya calon yang melepasi pertimbangan jawatankuasa tapisan universiti sahaja akan dipanggil untuk sesi temubual.

3.5 Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 April 2026 (Khamis)**.